

KUKTEM melaksanakan program lahirkan insan seimbang

KUKTEM 2 Okt. - Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) melaksanakan program Soft Skills di peringkat universiti bagi melahirkan graduan sebagai insan seimbang dari segi fizikal, spiritual emosi dan intelektual.

Rektor KUKTEM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said bin Mat Lela berkata, program Soft Skill KUKTEM yang dirancang pada akhir tahun 2002 memberi tumpuan terhadap pembangunan lima aspek utama iaitu kepimpinan, kerja berkumpulan, ko-

munikasi, sikap positif dan keupayaan pembelajaran.

Katanya, pelaksanaan program itu ialah bagi menjayakan falsafah pendidikan negara yang mempunyai matlamat melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan berakhlak mulia.

"KUKTEM melaksanakan pendekatan menyeluruh pembangunan *Soft Skill* setelah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program ini di peringkat Universiti sejak ditubuhkan pada tahun 2002," katanya kepada *Utusan Malaysia* di

sini, hari ini.

Tambahnya, program Soft Skills adalah salah satu alat untuk mencapai objektif RMK-9 dalam pembinaan modal insan kelas pertama.

Katanya lagi, program ini wajib diikuti oleh semua pelajar dan merangkumi dua peringkat iaitu peringkat asas dan peringkat industri yang dilaksanakan secara persembirian.

Menurut Prof. Mohamed Said, KUKTEM juga turut sama menyumbang kepada Kementerian Pengajian

Tinggi dalam menyediakan modul Soft Skills untuk Institusi Pengajian Tinggi yang telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 22 Ogos 2006 yang lalu.

Beliau berkata, pendekatan seumpama itu telah berjaya melahirkan graduan yang seimbang dan dikehendaki oleh pasaran pekerjaan.

"Buktinya ialah bahawa hampir keseluruhan graduan pertama KUKTEM telah mendapat pekerjaan dan diterima dengan baik oleh industri berkaitan," katanya.